

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN SIM CHEE KEONG
[BUKIT MERTA JAM]

TARIKH : 27 OKTOBER 2015

SOALAN :

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta PERDANA MENTERI menyatakan maklumat terkini kadar pengangguran dan kadar guna tenaga tidak penuh (*underemployment*) mengikut kategori umur (termasuk belia), gender, negeri, kaum dan tahap pengajian tertinggi.

JAWAPAN : YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID BIN OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kadar pengangguran separuh tahun pertama 2015 bagi Malaysia ialah 3.1 peratus. Kadar pengangguran bagi separuh tahun pertama 2015 mengikut jantina adalah: lelaki 2.9 peratus, perempuan 3.3 peratus. Kadar pengangguran bagi separuh tahun pertama 2015 mengikut kumpulan umur pula adalah: 15-24 tahun 11.2 peratus, 25-34 tahun 2.7 peratus, 35-44 tahun 0.9 peratus, 45-54 tahun 0.6 peratus dan 55-64 tahun 0.3 peratus.

Bilangan guna tenaga yang bekerja kurang daripada 30 jam semasa minggu rujukan (guna tenaga tidak penuh) bagi separuh tahun pertama 2015 ialah 609,300 orang. Bilangan guna tenaga tidak penuh bagi separuh tahun pertama 2015 mengikut jantina adalah: lelaki 262,500 orang, perempuan 346,800 orang.

Statistik terperinci kadar pengangguran mengikut kumpulan etnik dan pencapaian pendidikan seperti di **Jadual 1** manakala statistik kadar pengangguran mengikut negeri di **Jadual 2**.

Jadual 1: Kadar pengangguran mengikut jantina, kumpulan umur, kumpulan etnik dan pencapaian pendidikan, Malaysia, separuh tahun pertama 2014 (H1/2014) dan separuh tahun pertama 2015 (H1/2015)

Perkara	Kadar pengangguran (%)	
	H1/2014	H1/2015
Malaysia	3.0	3.1
<u>Jantina</u>		
Lelaki	2.8	2.9
Perempuan	3.3	3.3
<u>Kumpulan umur</u>		
15-24	10.1	11.2
25-34	2.6	2.7
35-44	1.0	0.9
45-54	0.6	0.6
55-64	0.6	0.3
<u>Kumpulan etnik</u>		
Warganegara	3.1	3.3
Bumiputera	3.3	3.5
Cina	2.1	2.5
India	4.2	4.5
Lain-lain	9.1	3.7
Bukan warganegara	1.8	1.3
<u>Pencapaian pendidikan</u>		
Tiada pendidikan rasmi	2.9	2.0
Rendah	1.2	1.2
Menengah	3.1	3.3
Tertiari	3.6	3.8

Sumber: Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 2: Kadar pengangguran mengikut negeri, separuh tahun pertama 2014 (H1/2014) dan separuh tahun pertama 2015 (H1/2015)

Negeri	Kadar pengangguran (%)	
	H1/2014	H1/2015
Malaysia	3.0	3.1
Johor	2.7	3.2
Kedah	2.7	2.5
Kelantan	3.5	3.8
Melaka	0.9	1.0
Negeri Sembilan	2.7	3.2
Pahang	2.7	2.7
Pulau Pinang	1.8	1.8
Perak	3.6	3.2
Perlis	3.8	3.0
Selangor	2.1	2.4
Terengganu	3.9	4.6
Sabah	4.9	4.5
Sarawak	3.6	3.6
W.P. Kuala Lumpur	2.8	3.3
W.P. Labuan	5.1	5.5
W.P. Putrajaya	1.0	1.0

Sumber: Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia

Sekian, terima kasih.